



**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
JABATAN PENDAFTAR,
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH,
26600 PEKAN,
PAHANG DARUL MAKMUR**

Kumpulan Pelaksana

Jumlah Kekosongan Jawatan - **KONTRAK : 1**

Penempatan Jawatan: FAKULTI PENGURUSAN INDUSTRI, UMPSA KAMPUS GAMBANG

PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV29/30/DV35/36/DV37/38/DV39/40

Tangga Gaji RM1,650.00 (Minimum) - RM6,620.00 (Maksimum)

***PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV5 *(Gred Lantikan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024)**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. warganegara Malaysia;
- b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

2. Kelayakan Lantikan Bagi Jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV5:

- a. Sijil Teknologi Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,731.00); atau
- b. Sijil Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,731.00); atau
- c. Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DV5 :RM1,731.00); atau
- d. Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DV5 :RM1,812.00); atau
- e. Diploma Teknologi dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DV29: RM1,893.00); atau
- f. Diploma Teknologi Kejuruteraan dalam bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,893.00); atau
- g. Diploma Kejuruteraan, Diploma Seni Bina, Diploma Ukur Bahan, Diploma Ukur Tanah atau Diploma Ukur Bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DV5 : RM1,974.00)

3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Keutamaan Kepada Calon:

1. Mempunyai diploma dalam bidang kejuruteraan atau teknologi kejuruteraan.
2. Mempunyai kelayakan akademik dalam bidang *Mechanical* dan *Mechatronic*.
3. Mempunyai pengetahuan asas dalam bidang pengurusan industri dan teknologi maklumat/komputer .

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMPSA berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

Jawatan akan dilantik secara Tetap / Kontrak.

UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman sesawang UMPSA, [E-recruitment UMPSA](#)

PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Nilain Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18. Sila hantarkan ke alamat berikut :

PUSAT PENGURUSAN BAKAT

JABATAN PENDAFTAR

CANSELERI TUN ABDUL RAZAK

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

26600 PEKAN

PAHANG DARUL MAKMUR

(U/P : Unit Perjawatan Pentadbiran/Unit Perjawatan Akademik)

CATATAN AM

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga melalui e-mel yang telah berdaftar dengan UMPSA.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

PERMOHONAN ATAS TALIAN

TARIKH BUKA

: 05/08/2025

TARIKH TUTUP

: 19/08/2025